

30 DEC 1996

Muhammad - BPR

BPR MUNGKIN PANGGIL MB SELANGOR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah (BPR) mungkin memanggil Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib untuk memberi penjelasan berhubung kes penahanan beliau di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada 22 Dis lepas kerana tidak mengisytiharkan wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang dibawanya.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya ketika dihubungi tidak menyebut bila Muhammad akan dipanggil untuk memberi keterangan.

"Kita tidak boleh kata dia salah selagi dia sendiri belum tampil memberikan penjelasan mengenai kedudukan sebenar," kataya ketika dihubungi Bernama di rumahnya di sini hari ini.

Muhamad dalam kenyataan hari ini menjelaskan bahawa wang yang dibawanya ke Australia itu diamanahkan oleh adik beradiknya untuk urusan pembelian hartanah di Gold Coast, Brisbane.

Shafee bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut mengenai kes itu.

Timbalannya Datuk Mohamad Zawawi Mohamad Nordin yang dihubungi di kediamannya pula berkata BPR telah memulakan siasatan berhubung kes itu setelah menerima aduan daripada PAS dua hari lepas.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lebih terperinci mengenai siasatan itu dan berkata BPR akan sentiasa menyiasat sebarang aduan yang di terima oleh mereka.

"Selepas Pemuda PAS Pusat membuat aduan rasmi ke pejabat BPR Selangor, siasatan telahpun dimulakan, tapi saya tidaklah boleh membuat sebarang komen sehingga siasatan selesai," katanya.

Pada 28 Dis, Pemuda PAS Pusat yang membuat aduan meminta BPR menjalankan siasatan segera dan menyeluruh terhadap Muhammad, bagaimanapun tidak mengemukakan sebarang bukti berhubung kes itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata apabila sesuatu aduan dibuat kepada BPR, siasatan tentu akan menyusul tetapi jika didapati tiada kes, semua pihak harus menerimanya. -- BERNAMA

AZH ARI MAI